

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KE-14**  
**(DEWAN RAKYAT)**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR**  
**[ SETIU ]**  
**TARIKH : 19 NOV 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [ SETIU ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan kewajaran menghapuskan skim bantuan penanaman semula kepada pekebun kecil iaitu Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Skim terdahulu yang dikenali sebagai TSSPK merupakan skim di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) yang telah dirangka mengikut kesesuaian dalam tempoh dari tahun 2011 hingga 2015.

Manakala, Skim Pembiayaan Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) adalah merupakan program yang dirancang berdasarkan formulasi yang terbaik mengikut situasi ekonomi semasa. Skim ini juga merangkumi keperluan terkini para pekebun kecil sawit dalam melaksanakan aktiviti penanaman semula. Skim ini adalah terbuka kepada mereka yang layak yang mempunyai pokok sawit berumur melebihi 25 tahun dan ke atas dengan keluasan maksimum 6.5 hektar.

Mengikut perangkaan, pekebun kecil sawit dalam kelompok ini mempunyai keupayaan untuk melaksanakan aktiviti tanaman dengan bantuan minima kerajaan berbanding kumpulan sasaran lain yang lebih memerlukan bantuan sepenuhnya seperti skim untuk membantu mendapatkan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) bagi pekebun kecil persendirian. Sekian, terima kasih.